

'Turunkan defisit fiskal berperingkat kurangkan hutang'

Keyakinan pelabur domestik, asing terus meningkat berikutan dasar dilaksana kerajaan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan melaksanakan langkah menurunkan defisit fiskal secara berfasa dalam usaha memastikan jumlah hutang negara semakin berkurang, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menjelaskan, dalam ekonomi makro kadar hutang akan bertambah jika defisit fiskal kekal tinggi, justeru ia perlu diturunkan secara berperingkat.

Pelaksanaan langkah itu sehingga kini menyaksikan kadar hutang baharu negara menurun setiap tahun, iaitu daripada RM100 bilion pada 2021 kepada RM76.8 bilion pada 2024.

"Pada 2022, defisit adalah 5.5 peratus sehingga diturunkan kepada 4.1 peratus pada 2024 kerana sasaran kita adalah menurunkan defisit secara berfasa.

"Langkah ini dilaksanakan secara berfasa kerana jika dilakukan secara mendadak, peruntukan tambahan untuk pendidikan, Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan kesihatan itu akan terbantut.

"Jadi, defisit harus dikurangkan, tetapi jika terus belanja boros, maka hutang akan mencecah terlalu tinggi," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan asal Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (PN-Kuala Kangsar) mengenai sama ada Kerajaan MADANI menguruskan hutang negara dengan bertanggungjawab berikutan hutang naik daripada RM1,079.1 bilion pada 2022 kepada RM1,247.6 bilion pada hujung 2024, yang hampir mencecah 65 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar Negara (KDNK).

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, berikutan dasar fiskal bertanggungjawab yang dilaksanakan oleh kerajaan, keyakinan pelabur sama ada domestik atau



Anwar pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

asing terus meningkat.

"Jika kita membuat pengumuman, kita jalankan dasar ekonomi bertanggungjawab tapi defisit terus membengkak, dianggap tidak bertanggungjawab.

"Sebab itu defisit mesti dikurangkan dan ini tentunya beban, maknanya kerajaan yang tegas dan berani sahaja boleh buat. Jika nak popular, hutang terus dan dibayar generasi kemudian," katanya.

Berhubung peningkatan hutang negara daripada RM1,079.1 bilion pada 2022 kepada RM1,247.6 bilion pada 2024, Perdana Menteri menjelaskan, ia perbelanjaan pembangunan bukan mengurus.

"Kita tidak hutang untuk belanja mengurus. Kita hutang walaupun berkurang jumlah hutang itu untuk belanja pembangunan kerana kedudukan sekolah, hospital, luar bandar dan tebatan banjir, seperti yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)," katanya.

Jadi jurucakap kepada rakyat

Pada masa sama, Perdana Menteri mengingatkan semua Ahli Parlimen, sama ada blok kerajaan dan pembangkang mengenai peranan mereka yang sepatutnya menjadi jurucakap kepada rakyat dan bukannya mewakili 'tauke' dalam menyuarakan isu yang menyentuh kepen-

tingan rakyat.

Mengulas lanjut, beliau memberi contoh dalam soal penyarsaran subsidi diesel yang dijadikan isu besar, sedangkan jaminan diberikan kerajaan bahawa inisiatif itu tidak akan membebankan rakyat teramai.

Perkara sama, kata beliau dalam soal membabitkan kenaikan tarif elektrik, yang mana langkah itu hanya akan membabitkan pihak industri.

"Ahli Parlimen perlu jadi jurucakap rakyat, bukan jurucakap tauke. Kadar elektrik yang naik untuk syarikat. Jika ada di mana-mana FELDA secara khusus terbeban, kita cuba bantu.

"Seperti kadar elektrik, rakyat sudah dapat bil untuk Julai, yang disebut Ahli Parlimen pembangkang mengatakan kadar elektrik naik. Tarif elektrik naik, (tetapi) bayaran itu lebih rendah.

"Jika ada yang bayar lebih, saya tidak faham kenapa kerana purata penurunan adalah lapan hingga 14 peratus. Harga elektrik turun, harga minyak turun, ini keadaannya," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri membidas tindakan pembangkang disifatkan bersikap berat sebelah apabila tidak sedikit pun membangkitkan isu kenaikan tarif air di negeri dipimpin mereka, sedangkan ia membabitkan semua peringkat rakyat.